

95

**NO. SOALAN: 45**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATIN MASTURA BINTI MOHD YAZID  
[ KUALA KANGSAR ]**

**TARIKH : 05 APRIL 2018 (KHAMIS)**

**RUJUKAN : 10657**

**SOALAN :**

**Datin Mastura Binti Mohd Yazid [ Kuala Kangsar ] minta MENTERI  
DALAM NEGERI menyatakan berapakah bilangan rakyat yang telah  
membatalkan warganegara Malaysia.**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Berdasarkan rekod Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), terdapat  
seramai 41,051 orang individu telah melepaskan taraf  
kewarganegaraan Malaysia dari tahun 2013 hingga 2017.**

SOALAN : 46

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN N. SURENDRAN (PADANG SERAI)**

**TARIKH : 5 APRIL 2018**

**RUJUKAN : 10658**

**SOALAN :**

**PR-1361-L04919**

Tuan N. Surendran A/L K. Nagarajan [ Padang Serai ] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada Kementerian bercadang untuk membenarkan lawatan dengan sentuhan (*contact visit*) bagi kesemua lawatan antara banduan dan ahli keluarga di kesemua penjara di Malaysia.

97

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

**Aspek perjumpaan dan perhubungan antara banduan dan keluarga sentiasa diberi perhatian oleh Kementerian dan Jabatan Penjara kerana ia memberikan impak yang baik kepada pemulihan diri banduan. Kemudahan perjumpaan secara bersentuhan telah dilaksanakan oleh Jabatan Penjara Malaysia tertakluk kepada beberapa keadaan seperti banduan dan keluarga boleh berjumpa secara bersentuhan melalui permohonan yang diluluskan oleh Pengarah Penjara setelah dipertimbangkan berdasarkan keperluan dan kemudahan ini tidak diberikan secara berterusan.**

**Selain itu, banduan terpilih yang melepasi syarat-syarat pemulihan, mempunyai disiplin yang baik dalam tempoh menjalani hukuman turut dipilih untuk dibenarkan berjumpa secara bersentuhan dengan keluarga semasa program jalinan kasih yang dianjurkan oleh Jabatan Penjara seperti semasa menyambut hari perayaan.**

**Perjumpaan secara bersentuhan ini tidak dilakukan secara berterusan sebagai galakan untuk kemajuan pemulihan diri serta fungsi jabatan yang turut melibatkan kawalan keselamatan. Di samping itu, Jabatan Penjara Malaysia turut menyediakan bentuk perhubungan lain antara banduan dengan keluarga iaitu melalui kemudahan menulis surat dan menggunakan telefon.**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN WONG SZE PHIN @ JIMMY  
[ KOTA KINABALU ]**

**TARIKH : 5 APRIL 2018 (KHAMIS)**

**SOALAN : 47**

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [ Kota Kinabalu ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan tindakan untuk mengawal harga tiket syarikat penerbangan tambang murah seperti mengenakan harga siling. Ini kerana setiap kali hari perayaan atau cuti sekolah, harga tiket syarikat penerbangan tambang murah menjadi lebih mahal berbanding harga tiket Malaysia Airline System (MAS).

99

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, pihak Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM) sedang melaksanakan kajian penetapan harga tambang yang dijangka akan selesai sebelum pertengahan tahun 2018.

Walau bagaimanapun, bagi perkhidmatan yang disediakan oleh MASwings ke semua laluan Perkhidmatan Luar Bandar, kadar tambang yang dikenakan adalah berdasarkan harga siling yang telah ditetapkan oleh Kerajaan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK MOHD IDRIS BIN JUSI**

**TARIKH : 5 APRIL 2018**

**SOALAN : NO. 48**

**Datuk Mohd Idris Bin Jusri [ Batu Pahat ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan berapa ramai graduan universiti peringkat Ijazah dan Diploma yang keluar dalam tahun pengajian tiga tahun terakhir 2015, 2016 dan 2017 dan berapa peratus daripada mereka yang telah mendapat pekerjaan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan Sistem Kajian Pengesanan Graduan, bilangan graduan pemegang ijazah pertama dan diploma pada tahun 2015 adalah seramai 203,474 orang, pada tahun 2016 seramai 210,817 orang dan tahun 2017 seramai 223,086 orang.

Sumber yang sama juga menunjukkan bilangan graduan pemegang ijazah sarjana pertama dan diploma yang bekerja pada tahun konvokesyen menunjukkan trend peningkatan yang berterusan di mana pada tahun 2015 adalah seramai 103,077 orang iaitu 49 peratus, pada tahun 2016 seramai 114,295 orang iaitu 45.8 peratus dan pada tahun 2017 seramai 116,730 orang iaitu 48 peratus.